

Headline **Pesakit AIDS kongsi pengalaman**
Date **10 Oct 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S10**
Article Size **100 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **400**
PRValue **1,200**



Pesakit AIDS kongsi pengalaman

JALAN TEMPLER- Seorang penghuni, yang hanya mahu dikenali Mazlan, 37, berasal dari Selangor telah menjadi penghuni pusat tersebut satu tahun lalu bersyukur kerana masih berpeluang mendapatkan perlindungan di pusat tersebut.

Dia yang telah menghidap penyakit tersebut sejak enam tahun lalu mulai insaf dengan perbuatan jijik tersebut setelah mengetahui sekaligus takut akan kesan tindakannya itu dan kini merasakan kesihatannya lebih baik setelah mendapatkan rawatan di situ.

Bagi Zam, 29 yang berasal dari Pahang pula, dia dijangkiti penyakit tersebut daripada hubungan kelamin bersama bekas teman wanitanya amat kesal dengan penyakit yang dihidapinya itu bersyukur kerana Daru Ukhwah mengambil dan menjaganya.

"Daripada saya tidak mampu berjalan, sehingga kini saya mampu melakukan ibadah dan aktiviti harian seperti biasa setelah mengikuti program dan rawatan di pusat ini.

"Saya dan rakan-rakan lain mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Al-Ijabah dan pihak-pihak yang telah bersama menghulurkan bantuan bagi membela nasib kami," katanya terharu.

Sementara itu, pada akhir majlis tersebut, pelancaran Darul Ukhwah. Frenzclub.com telah dilancarkan bagi memudahkan lagi penyampaian maklumat melalui online.

Turut hadir, Pengerusi Mais yang juga selaku perasmi, Mohamad Adzib Mohd Isa, Nazir Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz, Ahmat Mohayen Said, Pengerusi Pusat Dialisis, Othman Jaffar dan masyarakat setempat.